

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ISU TERNAKAN LEMBU**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan isu penempatan ternakan lembu?
- b) Adakah kerajaan akan menyediakan tapak untuk ternakan lembu?
- c) Apakah penyelesaian isu ini untuk kawasan Batu Arang?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk menyelesaikan isu penempatan ternakan lembu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (atau ringkasnya DVS) telah membangunkan 15 Taman Kekal Pengeluaran Makanan (atau ringkasnya dipanggil TKPM atau Taman Agrotek) di mana 31 orang daripada 65 penyewa keseluruhan atau 48% merupakan penternak lembu dan kerbau.

Contoh TKPM yang mempunyai penternakan lembu:

- i. TKPM (Agrotek) Batu Arang = 2 penternak dengan 400 ekor lembu fidlot dan 65 ekor lembu tenusu di atas plot-plot berkeluasan 10 hektar (25 ekar);
- ii. TKPM Buluh Telor = 3 penternak dengan 183 ekor lembu pedaging di atas plot-plot berkeluasan 40 hektar (99 ekar);
- iii. TKPM Sungai Tamu = 3 penternak dengan 167 ekor lembu tenusu di atas plot-plot berkeluasan 34 hektar (84 ekar);
- iv. TKPM Hulu Semenyih = 4 penternak dengan 79 ekor lembu tenusu dan 50 ekor kerbau di atas plot-plot berkeluasan 34 hektar (84 ekar).

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah dan sedang membangunkan 2 Kawasan Penempatan Semula Ternakan Lembu (atau secara ringkasnya dipanggil TKPM Translokasi) untuk memindahkan penternak-penternak lembu yang telah diarahkan tutup oleh pihak

berkuasa seperti Pejabat Daerah dan Tanah, PBT, LUAS dan pihak-pihak lain kerana didapati menyebabkan kacau ganggu, pencemaran, mencerooboh tanah orang lain dan gejala-gejala lain.

Contoh:

- i. Ladang Translokasi yang telah dibangunkan adalah TKPM Translokasi Sungai Nilam (berkeluasan 24 hektar (60 ekar) yang telah dibahagikan kepada 6 plot di mana kesemuanya telah disewa oleh 6 penternak dengan 220 ekor lembu tenusu)
- ii. TKPM Translokasi yang sedang dibangunkan adalah TKPM Translokasi Olak Lempit (berkeluasan 40 hektar (100 ekar) yang akan dibahagikan kepada 20 plot di mana 19 plot akan ditawarkan untuk sewaan dan 1 plot pula untuk Kerajaan).
- iii. Contoh TKPM Translokasi baharu yang akan dibangunkan adalah TKPM Translokasi Sg. Gumut, Kalumpang berkeluasan 32 hektar (80 ekar), TKPM Translokasi Sg. Gersik, Rasa berkeluasan 40 hektar (100 ekar) di mana sedang dalam proses perwartaan.
- iv. Contoh kawasan yang berpotensi dibangunkan sebagai TKPM Translokasi baharu adalah kawasan Beting Kepah, Sabak Bernam yang berkeluasan 5 hektar (12 ekar) di mana sedang dalam rundingan dengan Pejabat Daerah dan Tanah.

Seterusnya, Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan lebih banyak lagi TKPM Translokasi pada masa akan datang dengan kerjasama dan bantuan Pejabat Daerah dan Tanah kerana pembukaan ladang seperti ini bergantung kepada ketersediaan tanah kerajaan di sesuatu daerah.

- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak untuk ternakan lembu dan akan menambah beberapa kawasan lagi khusus untuk ternakan lembu seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan bagi perenggan a) seperti di atas.
- c) Memandangkan semua plot pertanian dan penternakan TKPM Batu Arang telah disewakan, penternak-penternak lain yang berada di kawasan Batu Arang perlu berpindah ke TKPM lain atau Ladang Translokasi lain yang terletak di seluruh negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KAMERA UNTUK PEGAWAI PENGUATKUASA PBT**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kamera untuk pegawai penguatkuasa akan dilaksanakan di seluruh PBT di Selangor dan berapa banyak peruntukan akan diperlukan untuk kelengkapan ini?
  
- b) Adakah pihak Kerajaan akan menampung keseluruhan perbelanjaan ini atau ianya akan ditanggung oleh PBT masing-masing?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali:-

Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bilangan 1/2020 pada 18 Februari 2020 bersama Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), satu syarikat telah membentangkan kertas cadangan (*proposal*) berkaitan penggunaan kamera badan untuk pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan semasa bertugas di kawasan awam. Mesyuarat telah mengesyorkan supaya PBT yang berkemampuan dapat membekalkan pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan masing-masing terutama kepada pegawai penguatkuasa demi meningkatkan keselamatan pegawai. Buat masa ini, terdapat PBT yang telah mengambil inisiatif membekalkan kamera badan kepada penguatkuasa masing-masing. Antaranya adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Selayang. Manakala terdapat juga PBT yang dalam tindakan untuk pembelian kamera badan ini. Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh PBT untuk pembelian kamera badan ini adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>Peruntukan yang telah digunakan untuk pembelian kamera badan (RM)</b>	<b>Bilangan unit kamera badan</b>
MBPJ	52,500.00	50
MPAJ	17,420.00	10
MPK	8,000.00	2
MPS	20,000.00	3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : DASAR BARU MENJANA SUMBER HASIL NEGERI SELANGOR**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan dasar-dasar baru kerajaan negeri yang telah dilaksanakan untuk menjana hasil pendapatan negeri?
- b) Berapakah jumlah hasil yang telah dapat dijanakan melalui pelaksanaan dasar-dasar tersebut sehingga kini?

**JAWAPAN:**

(a) Dan (b) dijawab bersekali:-

Dasar-dasar baru Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan bagi menjana hasil pendapatan negeri adalah seperti berikut:

- 1) Pajakan Tanah Rizab Negeri. Terdapat tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dipajak mengikut Seksyen 63, KTN 1965. Permohonan ini diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang membolehkan pemohon mengusahakan tanah tersebut bagi maksud tertentu dalam tempoh maksimum 21 tahun. Kelulusan pajakan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran sewaan dan cukai tanah tahunan. Jumlah hasil yang telah dapat dijanakan melalui pelaksanaan dasar ini adalah sebanyak RM20.8 juta.
- 2) Pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018. Jumlah hasil yang telah dapat dijanakan melalui pelaksanaan dasar ini adalah sebanyak RM52.2 juta.

Manakala dasar-dasar baru Kerajaan Negeri yang telah dirancang dan diperingkat semakan berkaitan undang-undang adalah seperti berikut:

- 1) Cadangan Pelaksanaan Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain daripada tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di Negeri Selangor. Permit Khas ini akan memberikan kebenaran ke atas aktiviti-aktiviti tertentu yang tiada berkaitan dengan pertanian atau ke atas mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah pertanian tidak terhad kepada menara telekomunikasi dan papan iklan. Kelulusan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran Permit Khas.
- 2) Memperkenalkan Caj Fi Bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
- 3) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- 4) Merangka pengenaaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- 5) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- 6) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

Untuk makluman, kutipan hasil belum dapat dilaksanakan kerana ia masih diperingkat pemurnian dan semakan undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : TANAH & STRUKTUR BINAAN LAMA**

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan ke atas premis-premis bangunan lama seperti di Klang?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk menambah baik objek-objek pelancongan di kawasan Klang?
- c) Apakah persiapan Kerajaan untuk tahun melawat Selangor di daerah Klang?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menyediakan Pelan Induk tapak warisan khususnya di pusat Bandar Klang Selatan berdasarkan Rancangan Tempatan Klang 2020 dan telah menyediakan Buku Garispanduan Rekabentuk Bangunan Warisan bagi memastikan mengekalkan ciri-ciri rekabentuk, fasad, ketinggian dan memastikan bangunan warisan di pelihara, di pulihara dan di kekalkan rekabentuk asal. Menaiktaraf tapak-tapak warisan seperti bangunan -bangunan kolonial bersejarah dan mewartakan di bawah Akta Warisan serta menyelaras program Jelajah Warisan ("Heritage Walk") dengan pihak Tourism Selangor. Menaiktaraf dan memperindahkan bangunan-bangunan warisan di pusat bandar seperti mengecat mural dan mengecat bangunan-bangunan perniagaan mengikut warna yang sesuai serta menyediakan rangkaian pejalan kaki yang mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang berintegrasi dengan pusat-pusat tarikan untuk kemudahan pelancong.
- b) Majlis Perbandaran Klang telah melaksanakan beberapa projek pembangunan dalam usaha menambahbaik objek-objek pelancongan di Kawasan Klang seperti:
  - i) Melaksanakan projek pembangunan menaiktaraf kemudahan pelancongan di sekitar *Royal Klang Town Heritage Walk* (RKTHW), Klang yang meliputi kerja-kerja seperti berikut :

- Kerja-kerja membina dan membaikpulih siarkaki, bumbung laluan pejalan kaki, jejantas, laluan basikal dan membekal serta memasang papantanda yang menelan belanja sebanyak RM879,500.00.
- Kerja-kerja menaiktaraf pencahayaan laluan pejalan kaki dan bangunan warisan di kawasan Pusat Bandar Klang Selatan bagi program kemudahan 'Heritage Walk' yang berjumlah sebanyak RM369,150.00.

ii) Selain daripada itu, Majlis Perbandaran Klang telah mengemukakan dua cadangan brif Projek Pembangunan Fizikal bagi permohonan projek baharu di bawah RMKe-12 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk projek-projek seperti berikut :

- Cadangan kerja-kerja membaikpulih replika Kapal Bugis di Tanjung Harapan, Pelabuhan Klang dengan anggaran kos sebanyak RM965,850.00 ;
- Cadangan menaiktaraf Kemudahan Awam di Jalan Raya Timur, Klang yang dianggarkan berjumlah sebanyak RM511,126.54.

c) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan di kawasan daerah Klang sempena Tahun Melawat Selangor dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke daerah Klang. Antara peranan Tourism Selangor untuk mempromosikan Klang sebagai destinasi pelancongan ini adalah seperti berikut:-

**i) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan**

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan informasi pelancongan di daerah Klang. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

**ii) Program Promosi Dalam Negara**

Pihak Tourism Selangor mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan di Klang di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2020 dan tahun 2021. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti Program MATTA Fair (2 kali setahun), Malaysia Inbound (MITA) Travel Fair, Program Skuad Kembara Sekolah dan Kuala Lumpur Photography Festival.

**iii) Program Promosi Luar Negara**

Pihak Tourism Selangor bersama-sama dengan pihak Majlis Perbandaran Klang akan menyertai siri-siri promosi luar negara seperti Asean Tourism Forum, ITB Berlin, WTM London, Arabian Travel Market Dubai dan lain-lain lagi.

**iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor**

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi produk pelancongan di daerah Klang dan Kempen Tahun Melawat Selangor 2021 serta memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.selangor.travel>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 300,000 orang pengikut dalam dan luar negara.

**v) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)**

Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Klang serta produk-produk pelancongan di daerah Sepang untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa sepanjang Tahun 2020 dan Tahun 2021.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN SEKOLAH**

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan bercadang untuk memberi sumbangan peruntukan kepada sekolah kebangsaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor sedang meneliti permohonan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk penambahbaikan infrastruktur bangunan sekolah-sekolah di Negeri Selangor. Terutamanya sekolah yang daif dan tidak selamat. Namun begitu, ia bergantung kepada peruntukan sedia ada jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS**

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa projek yang melibatkan kesesakan lalu lintas berjalan lancar dan mengikut jadual seperti dalam kebenaran merancang.
  
- b) Bila (jika ada) rancangan pelebaran jambatan merentasi NKVE dan Persiaran Surian akan bermula ?

**JAWAPAN:**

- a) **Jawapan masih belum diterima daripada JKR**
  
- b) Cadangan pelebaran jambatan merentasi NKVE dan Persiaran Surian akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2021

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : HUTANG GLC KEPADA KERAJAAN NEGERI**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah hutang setiap GLC kepada kerajaan negeri pada hari ini?
- b) GLC mana yang membayar mengikut jadual?
- c) Adakah mana-mana pinjaman ini mempunyai kadar faedah dibawah 4% setahun?

**JAWAPAN:**

- a) Baki hutang setiap GLC kepada Kerajaan Negeri pada 29 Februari 2020 adalah dicatatkan sebanyak RM1,209,444,643.19. Jumlah ini adalah penurunan sebanyak 6.6% berbanding baki hutang pada 31 Disember 2018 yang berjumlah RM1,294,927,616.86.

Penurunan ini adalah disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang berjumlah RM150 juta pada tahun 2019. Pihak KDEB akan terus membuat bayaran balik pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM120 juta seperti mana jadual bayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan.

Perincian kepada maklumat hutang setiap GLC kepada Kerajaan Negeri seperti pada 29 Februari 2020 adalah seperti di **Lampiran**.

Untuk makluman YB, pemberian hutang kepada GLC adalah bertujuan untuk menyokong pembangunan dan pelaksanaan agenda Negeri Selangor antaranya meliputi bidang pendidikan, penambahbaikan perkhidmatan bekalan air, pemuliharaan sungai dan pembangunan usahawan.

- b) Pada masa ini, kesemua GLC yang membuat pinjaman dengan Kerajaan Negeri membuat bayaran balik mengikut jadual seperti mana yang telah ditetapkan berdasarkan Perjanjian Pinjaman.

- c) Setakat ini, kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman Kerajaan Negeri dikenakan pada kadar 4%. Pada kebiasaannya, caj faedah dikenakan ke atas pinjaman yang melibatkan urusan komersial yang memberikan pulangan ke atas projek-projek yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pinjaman yang tidak dikenakan sebarang faedah atas pinjaman. Pinjaman ini melibatkan pembiayaan projek/program Kerajaan Negeri seperti pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan kepentingan awam seperti projek pemindahan setinggan, penstabilan cerun, dan pengurusan sampah. Antara pinjaman yang tidak dikenakan faedah atas pinjaman adalah seperti pinjaman-pinjaman berikut:-

- (i) Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) bagi tujuan pendidikan dan penyelenggaraan/naik taraf prasarana di kampus;
- (ii) Yayasan Hijrah Selangor bagi tujuan pembangunan dan pemantapan ekonomi di kalangan usahawan kecil di Negeri Selangor;
- (iii) Konsortium ABBAS Sdn Bhd dan Pengurusan Aset Air Selangor Berhad masing-masing bagi tujuan pelaksanaan projek penggantian aset operasi loji di Semenyih serta projek penggantian paip air lama di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- (iv) Landasan Lumayan Sdn Bhd bagi tujuan pelaksanaan program pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang.

## LAMPIRAN

Bil	Nama Peminjam	Jumlah Baki Pinjaman Pada 29 Februari 2020 (RM)
<b>(A) Anak Syarikat Kerajaan Negeri</b>		
1.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	244,335,344.38
2.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	92,889,393.15
3.	Yayasan Selangor	15,806,698.07
4.	Kolej Universiti Islam Selangor	24,432,469.79
5.	INPENS	4,116,500.00
6.	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	226,261,023.96
7.	KDEB Waste Management Sdn Bhd	48,930,000.00
8.	Yayasan Hijrah Selangor	62,500,000.00
9.	Landasan Lumayan Sdn Bhd	23,716,450.16
10.	Mantapmurni Sdn Bhd	274,728,000.00
11.	Konsortium ABASS Sdn Bhd	24,000,000.00
<b><u>Jumlah (A)</u></b>		<b><u>1,041,715,879.51</u></b>
<b>(B) Perbadanan Kerajaan Negeri</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	72,000,000.00
2.	Perbadanan Setiausaha Negeri Selangor	13,440,000.00
<b><u>Jumlah (B)</u></b>		<b><u>85,440,000.00</u></b>
<b>(C) Pihak Berkuasa Tempatan</b>		
1.	Majlis Daerah Kuala Langat	5,085,509.98
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	12,471,485.37
3.	Majlis Perbandaran Kajang	1,695,934.53
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	7,280,155.00
5.	Majlis Bandaraya Shah Alam	27,940,526.49
6.	Majlis Daerah Kuala Selangor	11,080,000.00
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	16,735,152.31
<b><u>Jumlah (C)</u></b>		<b><u>82,288,763.68</u></b>
<b><u>Jumlah (A) + (B) + (C)</u></b>		<b><u>1,209,444,643.19</u></b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah aduan masalah gangguan air di Selangor dari tahun 2018-2019?
- b) Senaraikan jumlah peruntukan setakat ini dalam proses memperbaharui paip pecah dan bocor dalam Selangor bagi tahun 2018-2019?

**JAWAPAN:**

- a) Aduan gangguan bekalan air yang diterima melalui semua saluran interaksi Pusat Perhubungan Pelanggan Air Selangor termasuk Pusat panggilan, perkhidmatan kaunter, emel, SMS, aplikasi Air Selangor, whatsapp dan saluran media sosial bagi tempoh 2018 hingga 2019 adalah seperti jadual dibawah:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Aduan</b>
2018	131,626
2019	139,185

- b) Air Selangor telah memperuntukkan Perbelanjaan Operasi (OPEX) sebanyak RM248.66 juta pada tahun 2018 dan 2019 bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan paip pecah dan bocor dengan pecahan seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
2018	129,920,000.00
2019	118,740,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>248,660,000.00</b>

Manakala untuk menukar paip-paip yang lama dan kerap pecah ini , Air Selangor telah melaksanakan Program Penggantian Paip di bawah Perbelanjaan Modal (CAPEX) dengan peruntukan sebanyak RM262 juta untuk tahun 2018 dan 2019.

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
2018	99,790,000.00
2019	162,200,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>261,990,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PATRIOTISME DI NEGERI SELANGOR**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program yang telah atau sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan dan meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri dalam kalangan rakyat Selangor selain dari menyambut Hari Kebangsaan setiap tahun?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN UNTUK PASUKAN BOMBA SUKARELA**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pasukan bomba sukarela sentiasa membantu dalam pelbagai operasi penyelamat atau aktiviti-aktiviti gotong royong. Apakah usaha yang akan ditimbang oleh pihak kerajaan demi memudahkan tugas harian mereka atau menggalakkan pertubuhan pasukan bomba sukarela yang baru?

**JAWAPAN:**

- a) Melalui Polisi penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) adalah di bawah peruntukan seksyen 62(1)(C) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan tertakluk kepada kawalan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan penubuhannya tidak akan melibatkan implikasi kewangan terhadap kerajaan.

JBPM telah memberikan peruntukan Geran Tahunan untuk melancarkan aktiviti PBS. Geran Tahunan ini bergantung kepada kelulusan peruntukan kerajaan. Untuk Makluman, bagi tahun 2018, Pasukan Bomba Sukarela memperolehi Geran Tahunan sebanyak RM3,000.00 manakala bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM1,500.00.

Selain itu juga, setiap PBS (Keahlian 20 Orang) yang didaftarkan diberikan perlindungan insurans yang mengandungi tuntutan kematian ahli sebanyak RM 19,000.00 dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : INSITUT DARUL EHSAN**

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kajian yang telah dilakukan oleh IDE dari 2017 - 2019?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan atau geran tahunan yang diperuntukan untuk operasi IDE?
- c) Nyatakan jumlah kakitangan IDE?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) SMART SELANGOR DALAM  
PEMBASMIAN JENAYAH**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peratusan kerja-kerja pemasangan dan jumlah kamera litar tertutup di seluruh Negeri Selangor yang telah siap dipasang dan telah berfungsi?
- b) Apakah ciri-ciri kawasan yang akan diletakkan kamera litar tertutup tersebut?
- c) Berapakah jumlah pemasangan cctv yang telah dilakukan mengikut DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak lima (5) unit kamera pintar yang telah dipasang dan berfungsi di SS15 Subang Jaya (Safe City Program 2019). Kamera litar tertutup sedia ada terpasang adalah berjumlah 174 unit (100 unit CCTV MPSJ, 50 unit CCTV SUK dan 24 unit CCTV KPKT).
- b) Ciri-ciri kawasan penempatan kamera CCTV pintar adalah seperti berikut :
  - i. Kesesakan lalulintas.
  - ii. Kewujudan gerai tanpa kebenaran/ Gerai haram.
  - iii. Pembuangan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan projek-projek pembangunan persekutuan di Negeri Selangor dari tahun 2018 - 2020?
- b) Nyatakan projek dan nilai projek yang telah diberikan kepada DUN Semenyih sepanjang tahun 2018 - 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Ringkasan Projek Pembangunan Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor bagi tahun 2018 sehingga 2020 adalah seperti jadual di bawah:-

<b>SELANGOR</b>					
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Projek Baharu</b>	<b>Bilangan Projek Sambungan</b>	<b>Kos Projek Baharu (RM)</b>	<b>Kos Projek Sambungan (RM)</b>	<b>Kos Keseluruhan Projek Mengikut Tahun (RM)</b>
2018	9	363	2,913,150,000.	22,427,858,319.25	25,341,010,709.25
2019	45	299	2,979,853,666.80	21,537,564,341.13	24,517,418,007.93
2020	57	360	4,152,544,945	83,778,277,649.02	87,930,822,594.02

- b) Projek-projek Pembangunan di bawah **Peruntukan Kerajaan Persekutuan** yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 sehingga 2020 di DUN Semenyih adalah sebanyak **25 projek (meliputi projek baharu dan sambungan)** dengan **kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM 505,170,920.00**. Perincian senarai projek dan kos projek adalah seperti di **Lampiran 2**.

SENARAI PROJEK PERSEKUTUAN 2018-2020

DUN SEMENYIH

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	KATEGORI PROJEK
1	CADANGAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR ICT DI MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE (MJII), SELANGOR	1,000,000.00	PROJEK BAHARU (2020)
2	PENGGANTIAN JAMBATAN FT001/340/60, SG. RINCHING, HULU LANGAT, SELANGOR	24,800,000.00	PROJEK BAHARU (2020)
3	PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA-JEPUN 2.0 KOHORT 1 (2020-2025)	154,000,000.00	PROJEK BAHARU (2019)
4	PEROLEHAN ANJING PENGESAN (UNIT K9)	3,500,000.00	PROJEK BAHARU (2019)
5	PEROLEHAN PERALATAN KESELAMATAN PENJARA	10,000,000.00	PROJEK BAHARU (2019)
6	MEROBOH KAFETERIA DAN MEMBINA BANGUNAN ASRAMA TAMBAHAN BERTINGKAT LELAKI DAN PEREMPUAN BERKAPASITI 500 ORANG DAN KAFETERIA BERKAPASITI 400 ORANG DI KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) BERANANG, SELANGOR	30,000,000.00	PROJEK BAHARU (2019)
7	PEMBINAAN CROPS FOR THE FUTURE RESEARCH CENTRE (CFFR)	55,455,738.00	
8	CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN INTERNET OF THINGS (IOT) DI KKTm PETALING JAYA	3,900,000.00	
9	KUARTERS DAN ASRAMA JURURAWAT KELAS C (6 UNIT), D (12 UNIT), F(32 UNIT), G (64 UNIT)DAN ASRAMA JURURAWAT HOSPITAL KAJANG	19,860,000.00	
10	BAYARAN PREMIUM TANAH MUKIM HULU SEMENYIH, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR	128,916.00	
11	IBU PEJABAT JABATAN PENJARA KAJANG, SELANGOR	63,530,000.00	
12	PROJEK MINI STADIUM KOMPLEKS PENJARA KAJANG SELANGOR	3,000,000.00	
13	NAIKTARAF PERUMAHAN KOMPLEKS PENJARA KAJANG, SELANGOR	19,000,000.00	
14	MENAIKTARAF SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN PESALAH (SMPP) V2	14,100,000.00	
15	CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN INTERNET OF THINGS (IOT) DI MARA JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE (MJII)	3,900,000.00	
16	MEMBINA JEJANTAS PEJALAN KAKI DI HADAPAN SEKOLAH KEBANGSAAN SEMENYIH, JALAN PERSEKUTUAN 1 KAJANG- SEMENYIH, SEKSYEN 350.1, HULU LANGAT, SELANGOR	2,500,000.00	
17	PEMBINAAN SEKOLAH BAHARU 24 BILIK DARJAH BARU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN PELANGI SEMENYIH, HULU LANGAT, SELANGOR	31,200,000.00	SAMBUNGAN
18	PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD SEKOLAH KEBANGSAAN DESA BAIDURI, HULU LANGAT, SELANGOR	462,424.00	
19	PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD SEKOLAH KEBANGSAAN ULU SEMENYIH, HULU LANGAT, SELANGOR	462,424.00	
20	PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD SEKOLAH KEBANGSAAN KAJANG UTAMA, HULU LANGAT, SELANGOR	462,424.00	
21	PEMBINAAN BANGUNAN 24 BILIK DARJAH BARU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR SUNWAY SEMENYIH, HULU LANGAT, SELANGOR	22,000,000.00	
22	PEMBINAAN BANGUNAN 24 BILIK DARJAH BARU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SUTERA, KAJANG, SELANGOR.	22,000,000.00	
23	CADANGAN MEMBINA SEBUAH DEWAN SERBAGUNA DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN DI SMK KHIR JOHARI, BERANANG, SELANGOR	2,131,465.00	
24	CADANGAN MEMBINA SEBUAH DEWAN SERBAGUNA DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN DI SK BERANANG, BERANANG, SELANGOR	1,777,529.00	
25	PEMBINAAN KILANG PENGELUARAN MAKANAN TERNAKAN	16,000,000.00	
JUMLAH KOS KESELURUHAN		505,170,920.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR PEROSAK INDUSTRI AGRIKULTUR**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari kaedah penangkapan dan pemindahan haiwan liar, apakah mekanisme alternatif yang boleh dilakukan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan industri agrikultur tidak terjejas dengan masalah haiwan liar seperti babi hutan dan monyet?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti pemantauan, pelupusan populasi secara terancang, tembak-halau dan tangkap-pindah. Seiring dengan pembangunan yang pesat di Negeri Selangor ini, gangguan kera menunjukkan kadar peningkatan setiap tahun dan membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Gangguan hidupan liar ini bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan pertanian malah di kawasan perumahan dan perindustrian yang berhampiran habitat asal hidupan liar ini.

Sehubungan dengan itu, dalam memastikan spesies hidupan liar ini diupihara secara lestari, tindakan yang diambil oleh Jabatan PERHILITAN turut mengambil kira pelbagai factor dan keperluan orang ramai yang pelbagai. Langkah yang diambil oleh pihak Jabatan bagi mengawal populasi dan mengatasi aduan gangguan hidupan liar seperti berikut adalah berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan dan kelestarian spesies hidupan liar tersebut :

1. Mengawal populasi konflik dengna menjalankan tindakan penakaian (culling) yang merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini digunapakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik yang mendatangkan aduan gangguan yang tinggi. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadi ancaman kepada

keselamatan orang awam. Kaedah yang dilaksanakan dibawah tindakan ini adalah seperti berikut :

- 1.1 Pengawalan secara tangkap pindah dimana spesies konflik tersebut akan ditangkap menggunakan perangkap pindah dan memindahkan ke kawasan hutan yang lebih luas dan jauh dari penempatan manusia. Hidupan liar yang diperoleh secara pengawalan tangkap-pindah ditangkap menggunakan perangkap yang bersesuaian berdasarkan kepada jumlah dan spesies hidupan liar yang disasarkan dan kemudiannya dipindahkan (translokasi) ke kawasan Rizab Hidupan Liar atau kawasan hutan simpan yang lebih luas dan jauh dari kawasan penempatan manusia. Pelbagai factor akan diambil kira termasuklah keupayaan had daya tampung sesuatu kawasan terhadap spesies yang akan dilepaskan termasuklah keperluan yang mencukupi di kawasan terbabit. Bagi hidupan liar yang tercedera, rawatan kecemasan akan diberikan pegawai veterinary Jabatan PERHILITAN dan akan ditempatkan sementara di Pusat Menyelamat Hidupan Liar di Sungkai atau di pusat-puast Konservasi Hidupan Liar sehingga satu tempoh yang sesuai dan kesediaan hidupan liar tersebut yang kemudiannya dilepaskan semula ke habitat semulajadi.

Walaupun bagaimanapun, bagi spesies konflik seperti kera dan babi hutan, kelompok yang gbermasalah dan sering mendatangkan gangguan yang serius termasuk menjadi ancaman keselamatan kepada orang awam akan disuntik secara humane seterusnya dilupuskan melalui cara incineration .

- 1.2 Menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama penduduk setempat dan stakeholder yang terlibat melalui kerjasama-kerjasama yang dijalankan dengan mengambil kira sensitivity masyarakat setempat semasa menjalani operasi tersebut.
2. Kajian populasi berkaitan taburan serta anggaran populasi kera antaranya dalam menentukan pengelasan lokasi konflik kera serta tahap keseriusan zon bagi penyelarasan tindakan yang perlu diambil oleh pihak jabatan. Menerusi inventori, bilangan kera yang berlebihan akan dihapuskan bagi memastikan keupayaan tampung kawasan hijau tersebut tidak diganggu.
3. Selain dari itu, pihak jabatan dari masa ke semasa mencuba kaedah keberkesanan pengawalan melalui rekaan-rekaan inovasi terutamanya

rekapi perangkap yang boleh digunakan untuk memerangkap bilangan kera dengan banyak disamping menjimatkan kos dan masa.

4. Usaha-usaha kempen kesedaran awam bagi menyedarkan orang ramai tentang pentingnya mengekalkan habitat yang bersesuaian keluasannya di kawasan perbandaran atau penempatan bagi menempatkan kera-kera ini. Kempen-kempen boleh dijalankan sama ada menerusi media massa, media cetak dan memasang papan tanda ditempat-tempat yang bersesuaian. Dengan itu, diharapkan akan wujud konsep hidup harmoni dengan hidupan liar di kalangan penduduk setempat yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, bagi tujuan jangka panjang pendekatan lebih proaktif daripada semua pihak adalah diperlukan memandangkan ianya merupakan spesies yang mempunyai kemandirian yang tinggi, mudah membiak serta tinggal berdekatan dengan penempatan manusia bukan sahaja di kawasan-kawasan kampung malah hidup di bandar-bandar besar yang mengancam keselamatan orang ramai. Usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak jabatan juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak terutamanya dari masyarakat setempat melalui sesi-sesi dialog dan operasi bersama dengan agensi yang terlibat. Oleh itu, segala tindakan yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN adalah secara berhemat dan dilaksanakan dengan berhati-hati agar kesejahteraan orang ramai terjamin di samping menjaga kelestarian hidupan liar di Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat ini berapa ramai yang telah didaftarkan layak untuk mendapat skim ini?
- b) Berapakah nilai dan jumlah penerima yang disasarkan oleh Kerajaan untuk pemberian dan agihan skim ini?

**JAWAPAN:**

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula

pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohonan yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SEKOLAH KAFA DAN KAFAI**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu pihak sekolah KAFA ini berkaitan kesulitan pihak PIBG dalam membayar gaji bahagian pengurusan seperti kerani, guru ganti termasuklah tukang kebun?

**JAWAPAN:**

- a) KAFA ialah kelas Al-Quran dan fardhu ain yang diuruskan oleh jemaah pengurusan sekolah yang perjalanan pengajaran dan pembelajaran tertakluk kepada kebenaran Pendaftar Sekolah-sekolah Islam Negeri Selangor. Tiada peruntukan khusus diberikan bagi bayaran kerani dan tukang kebun.

Walaupun atas keprihatinan dan sokongan kepada jemaah pengurusan sekolah, guru dan pelajar terlibat, pihak Kerajaan Negeri telah dan terus menyalurkan bantuan dari segi buku teks, perabot dan keperluan guru tertakluk kepada kuota guru KAFA pada satu-satu masa. Kerajaan Negeri juga memberi kemudahan khas bagi guru-guru wanita yang melahirkan anak tidak melebihi 3 kali sepanjang dalam perkhidmatan untuk mendapat cuti 2 bulan dan mendapat elaun penuh. Selain itu, guru-guru KAFA juga akan diberi elaun penuh bagi melakukan ibadah haji dan ibadah umrah, masing-masing sebanyak satu kali sepanjang perkhidmatannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : INDUSTRI KESENIAN SELANGOR**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan untuk pembangunan sektor kesenian?
- b) Apakah inisiatif kerajaan untuk menggalakkan kreativiti kraf tangan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam memastikan industri seni terus dilestari dan diperkasa, justeru Kerajaan Negeri Selangor melalui peranan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah merancang pelbagai aktiviti merakyatkan seni dan kebudayaan di Selangor dalam tempoh lima tahun (5) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 ( Tahun 2019 hingga 2023 ). Antara usaha yang telah dilaksana dan yang dirancang adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PROGRAM	SASARAN PRESTASI				
		2019	2020	2021	2022	2023
1.	Program Semarak Warisan	6	6	10	10	10
2.	Program SENADA	7	12	12	12	12
3.	Ekspresi Tari Selangor	1	-	1	-	1
4.	Warisan Cempuleng Selangor	1	-	1	-	1
5.	Konvensyen Identiti Selangor	-	1	-	-	-
6.	Festival Alam Melayu	-	1	-	-	-
7.	Pakej Pelancongan Warisan • Istana Bandar, Kuala Langat	-	10	10	10	10
8.	Program Teater	1	-	1	1	1
9.	Temasya Silat	-	1	1	1	1
10.	Program Bermalam di Muzium	1	1	1	1	1
11.	Program Turun Ke Sekolah	3	3	3	3	3
12.	Pameran Bergerak/Khas	10	10	10	10	10

- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan telah bekerjasama dengan pihak Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) dan juga pelbagai agensi yang lain untuk menggalakkan dan mempromosikan sektor pelancongan dan kebudayaan termasuklah perkara yang melibatkan kraf tangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Negeri Selangor setakat ini tidak mempunyai inisiatif yang disasarkan secara khusus bagi menggalakkan kreativiti kraf tangan di dalam negeri Selangor.

Walau Bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui beberapa Jawatankuasa Tetap antaranya Kebudayaan dan Pelancongan khususnya telah melaksanakan beberapa program dalam mempromosikan kraf tangan Negeri Selangor dengan menganjurkan Penganjuran Program *FAM Trip (Familiarization Trip)* Kembara Kraf Selangor. Kerajaan Negeri melalui UPEN telah bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor termasuklah penggiat-penggiat industri pelancongan dan kebudayaan.

Pendekatan kaedah *FAM Trip* yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan *Media Influencer* serta *Key Opinion Leader (KOL)* diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri khususnya mempromosikan tempat-tempat pelancongan dan juga kraftangan-kraftangan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PUSAT KAUNSELING SELANGOR**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kerjasama Pusat Kaunseling Selangor dengan NGO-NGO berkaitan kesihatan mental seperti MIASA, Befrienders, bagi meningkatkan lagi prestasi Pusat Kaunseling Selangor?
- b) Apakah langkah dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan Pusat Kaunseling Selangor lebih mesra pelanggan?

**JAWAPAN:**

- a)
  1. Pusat Kaunseling Selangor merupakan sebahagian daripada Ahli Tetap roudtour karnival 3W di semua daerah dalam negeri selangor. Roadtour tersebut turut menghimpunkan NGO-NGO dan jabatan/agensi yang memberikan perkhidmatan sama ada kesihatan Fizikal juga Kesihatan Mental antaranya ialah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), MIASA, Befrienders dan lain-lain.. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat meluaskan lagi promosi perkidmatan kaunseling daripada Pusat Kaunseling Selangor kepada masyarakat di seluruh selangor.
  2. Setiap tahun Pusat Kaunseling Selangor akan membuat lawatan penanda aras perkhidmatan kaunseling. Bagi tahun 2019 terdapat beberapa sesi lawatan dan perkongsian maklumat antaranya adalah Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Unit Kaunseling dan Psikologi UITM Shah Alam dan lain-lain.
  3. Pusat Kaunseling Selangor juga mengadakan/mendapat Kerjasama dan pengiktirafan daripada Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA International) dalam memastikan perkhidmatan pusat kaunseling selangor relevan dan diyakini.

b)

1. Antara inisiatif Kerajaan Negeri Selangor adalah dengan mewujudkan Laman Sesawang aturan Temujanji Perkhidmatan Kaunseling (e-psy) Negeri Selangor, Page Facebook dan Maklumat-maklumat dalam Google Search dan Maps supaya lebih mudah untuk masyarakat membuat aturan temujanji bersama kaunselor di pusat kaunseling Selangor selain memudahkan akses serta maklumat-maklumat berkaitan perkhidmatan Pusat Kaunseling Selangor.
2. Selain itu, kerajaan juga mewujudkan cawangan pusat kaunseling selangor di majlis-majlis pihak berkuasa tempatan yang terpilih seperti Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dengan tujuan memudahkan lagi masyarakat untuk mendapatkan khidmat kaunseling bersama kaunselor dari pusat kaunseling selangor. Walaubagaimanapun, perkhidmatan kaunseling di pihak berkuasa tempatan adalah berdasarkan temujanji yang telah dibuat sahaja.
3. Pentadbiran Setiasuaha Kerajaan Negeri Selangor juga turut mewajibkan kesemua Sukarelawan Kaunselor untuk berdaftar di Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Selain daripada itu semua kaunselor Pusat Kaunseling Selangor untuk menghadiri kursus penambahbaikan perkhidmatan yang dianjurkan oleh bahagian pengurusan sumber manusia bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kaunseling di pusat kaunseling selangor terjamin dan mesra pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah gangguan bekalan air yang berlaku dari 2017-2019?
- b) Apakah secara terperinci tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan tiada gangguan bekalan air di masa hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik gangguan bekalan air dari 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
1.	Gangguan Berjadual	798	770	806
2.	Gangguan Tidak Berjadual	19,061	11,074	20,111
<b>Jumlah</b>		<b>19,859</b>	<b>11,841</b>	<b>20,917</b>

- b) Tindakan oleh Air Selangor dalam memastikan tiada gangguan bekalan air pada masa hadapan adalah seperti berikut:

**1. Pelan Jangka Panjang**

Air Selangor telah merangka pelan jangka panjang 'redundancy pipeline' bagi kawasan strategik dan berisiko tinggi yang bertindak sebagai bekalan alternatif sekiranya berlakunya gangguan bekalan air. Ia hanya mampu untuk mengawal sebahagian sahaja kawasan yang terjejas dan bukan keseluruhan. Inisiatif-inisiatif berikut hanya dapat dilaksanakan setelah rezab margin berada pada paras 10% sehingga 15%:

**1.1 Program Penggantian Paip Jenis Asbestos Cement (AC)**

438km paip usang/berusia jenis *Asbestos Cement* (AC) telah dan sedang diganti kepada paip jenis *Ductile Iron* (DI) dan *High-Density*



*Polyethylene* (HDPE) dibawah program penggantian paip 2016 - 2018 yang menelan kos berjumlah RM367 juta. Bagi tempoh pelan perniagaan 2019 hingga 2021, Air Selangor merancang untuk menggantikan lagi 468km paip dengan jumlah peruntukan sebanyak RM399 juta.

## **1.2 Sensor Pintar (Intelligent Sensor) dan “Leak Detection Works”**

Pada tahun 2018, Air Selangor telah memasang sensor pintar ‘Intelligent Sensor’ (PressureTransient) disepanjang paip utama untuk mengesan ‘pressure surges’ dan kebocoran melalui ‘alert’ yang akan disalurkan ke ‘Intelligent Command Center’ (ICC). Sebanyak 66 kebocoran telah dapat dikesan setakat ini dalam tempoh satu (1) tahun pelaksanaannya. Selain itu, Air Selangor juga telah menjalankan usaha pengesanan kebocoran ‘leak detection works’ di paip-paip utamanya. Bagi tempoh lima (5) bulan tahun 2020, 72 kebocoran telah berjaya dikesan di sepanjang 832km jajaran paip utama (pelan keseluruhan 2000km) dengan anggaran penjimatan NRW sebanyak 10.4 JLH.

## **2. Langkah-Langkah Berterusan**

### **2.1 Lokasi-Lokasi Panas Projek Pembangunan Pihak Ketiga Yang Melibatkan Jajaran Paip Utama - Pemantauan Lokasi-Lokasi Panas Pihak Ketiga**

- i. Terdapat 144 lokasi projek pembangunan yang dikategorikan “panas” yang boleh menyumbang kepada paip pecah berlaku disebabkan pihak ketiga yang dikenalpasti.
- ii. Bagi memantau keadaan tapak, pihak Air Selangor akan menubuhkan pasukan khas yang akan membuat pemantauan di tapak secara langsung dan berfungsi untuk meronda dan melaporkan sebarang penemuan serta mencegah insiden paip pecah daripada berlaku.

### **2.2 Kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor Bagi Pemantauan Pembangunan Pihak Ketiga**

Merujuk kepada mesyuarat MTES Ke 25/2019 bertarikh 28 Ogos 2019, kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melaksanakan syor pihak Air Selangor seperti berikut:

- i. Kelulusan permit kerja oleh PBT kepada mana-mana projek pembangunan perlu mendapat sokongan dan maklumbalas daripada Air Selangor yang melibatkan asset-asset perkhidmatan air di rezab jalan-jalan awam, rezab jajaran bekalan air dan berhampiran atau sempadan hak milik Air Selangor (cth: pematangan tanah berhampiran Kolam Air/Rumah Pam); dan
- ii. Menambahkan klausa tambahan ke atas kelulusan permit kerja oleh PBT sekiranya kerja-kerja projek di tapak mengakibatkan paip pecah, pihak PBT berkuasa untuk mengeluarkan arahan pemberhentian kerja (Stop Work Order) untuk satu tempoh yang bersesuaian (sekurang-kurangnya 30 hari).

Tujuan pelaksanaan syor Air Selangor ini bagi menyelaraskan aktiviti pihak ketiga dalam pelaksanaan projek bertujuan untuk mengelakkan paip pecah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : MASJID SENIBINA CINA**

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaannya dengan peruntukan yang telah dibajetkan pada tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Butiran seperti berikut:
- 1) Peruntukan untuk Pembinaan masjid ini ialah, sebanyak RM 26 juta.
  - 2) Penilaian petender telah selesai dilaksanakan dan pembentangan bagi kelulusan petender yang berjaya telah dibentangkan di dalam Lembaga Tender pada 04 Mac 2020.
  - 3) Jangkaan Surat Setuju Terima (SST) adalah pada hujung bulan Mac 2020.
  - 4) Jangkaan Tarikh Milik Tapak adalah pada pertengahan bulan April 2020.
  - 5) Proses permohonan Kebenaran Merancang (KM), Pelan Bangunan dan Kejuruteraan (permohonan serentak) telah dikemukakan kepada pihak OSC MPK. Ulasan dari OSC MPK juga telah diterima dan Kelulusan KM secara dasar telah diperoleh pada 23 Januari 2020. Maklumbalas ulasan-ulasan MPK ini akan dikemukakan semula selewat-lewatnya pada pertengahan Mac 2020.
  - 6) Peruntukan semasa yang dibajetkan pada tahun 2019 akan digunapakai bagi tuntutan bayaran perunding, yuran proses permohonan KM dan lain-lain serta bayaran interim pada kontraktor.